

15 NOV 1997

PERGOLAKAN KEWANGAN DISEBABKAN RAKAN DAGANGAN YANG TAMAK, KATA DR M

LANGKAWI, 15 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pergolakan kewangan yang melanda negara Tenggara Asia adalah disebabkan oleh sifat tamak haloba peniaga-peniaga asing yang memutuskan untuk mengaut kesemuanya untuk diri sendiri dalam proses menjadikan rakan kongsi di negara tuan rumah miskin.

Beliau berkata peniaga-peniaga seumpama itu bukannya mengamalkan perkongsian bijak mahupun berpandangan jauh.

"Mereka sekadar melabur dalam saham yang boleh ditimbunkan dan mengeluarkan wang.

"Sebaik sahaja nilai saham meningkat, mereka melupuskannya dan mengaut keuntungan modal," katanya ketika merasmikan Sidang Kemuncak Asia-Kyushu yang keempat di sini hari ini.

Dr Mahathir menyifatkan perkongsian seumpama itu sebagai bersifat eksploitasi dan negara tuan rumah seharusnya mengelakkan pelabur-pelabur seperti ini.

"Jika dibenarkan melabur, batasan seharusnya dikenakan...sumber dana mereka perlu diteliti dengan terperinci," tambahnya.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai kritikan sesetengah pihak yang beliau sifatkan sebagai pengumpat yang menyangka dengan kemelut ekonomi dan kewangan sekarang, abad Asia tidak akan muncul dan nilai-nilai Asia tidak akan membawa kepada penguasaan Asia seperti yang diramalkan sebelum ini.

"Saya bukanlah salah seorang daripada mereka yang meramalkan abad ke-21 merupakan Abad Asia. Sebaliknya saya yakin abad akan datang adalah Abad Global," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata nilai-nilai Asia-lah yang akan membantu munculnya Abad Global, "kerana kita tidak berniat untuk merosakkan orang lain, sengaja mengacau mereka, melakukan sesuatu secara tersembunyi supaya mereka gagal".

"Kita juga tidak berasa puas tidak tentu pasal apabila melihat orang lain menderita akibat perbuatan kita".

Masyarakat Asia dan nilai-nilai Asia akan memberi sumbangan kepada Abad Global kerana mereka percaya dengan memakmurkan orang lain, mereka sendiri akan menjadi makmur, jelas Dr Mahathir.

"Nilai-nilai Asia ini bukan sahaja dapat mengatasi masalah sekarang tetapi sebenarnya akan membantu kita menjadi bertimbang rasa kepada mereka yang cuba melemahkan kita," tambahnya.

Mengenai perkongsian bijak, Dr Mahathir berkata ia lazimnya membabitkan pelaburan yang tidak boleh dicairkan dengan mudah untuk membolehkan keuntungan diraih.

Beliau menarik perhatian bahawa Kyushu, terletak di bahagian paling hujung di selatan Jepun, juga sesuai sebagai rakan kongsi perkongsian bijak dengan kawasan-kawasan lain di Asia.

Hampir 50 peratus produk Kyushu dieksport ke Asia, dua kali ganda daripada eksportnya ke Amerika Syarikat dan melebihi daripada purata eksport kebangsaan sebanyak 45 peratus.

Sementara hampir 46 peratus daripada importnya adalah dari Asia, lebih tinggi daripada purata import kebangsaan sebanyak 35 peratus.

Selain itu, lebih 60 peratus daripada pelancong Kyushu berkunjung ke Asia dan hampir 89 peratus pelancong asing melawat Kyushu. -- BERNAMA

AD OBA MA